

Dr M: Masyarakat Cina pentingkan perniagaan dan kestabilan ekonomi
Malaysian Insider
April 14, 2013
Oleh Md Izwan

KUALA LUMPUR, 14 April — Barisan Nasional (BN) perlu menyediakan peluang perniagaan dan kestabilan ekonomi sekiranya mahu masyarakat Cina menyokong terus menyokong parti pemerintah itu, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas perdana menteri Malaysia paling lama berkhidmat itu berkata selama ini masyarakat Cina sentiasa menyokong BN kerana mereka berjaya menyediakan peluang perniagaan kaum tersebut.

“Saya rasa masyarakat Cina masih lagi mementingkan nilai peluang mereka dalam perniagaan.

“Jika kamu mengambil persekitaran dimana mereka boleh berjaya dalam perniagaan, mereka pasti akan menyokong BN,” kata Dr Mahathir yang dipetik dalam satu temubual eksklusif akhbar harian Inggeris New Sunday Times hari ini.

Dr Mahathir juga menganggap Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada tahun 1971 adalah salah satu bukti yang jelas dimana masyarakat Cina memberikan sokongan kuat kepada BN.

“Mereka telah lakukannya sejak BN memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Malahan, DEB sebaliknya telah memberi manfaat lebih banyak kepada masyarakat Cina berbanding orang Melayu,” katanya lagi.

Walau bagaimanapun, Dr Mahathir berkata banyak pihak yang tersalah faham kerana melihat dasar tersebut hanya memberi untung kepada satu kaum sahaja iaitu Melayu dan bukan kepada kaum lain di Malaysia.

“Saya mesti akui orang Melayu tidak bijak untuk berhujah dan menerangkan fakta mereka.

“Orang Melayu apabila dituduh membolot semua akan berkata ‘Tidak, tidak, tidak, kami tidak lakukannya. Kami adalah tuan’. Perkara seperti itu... Hujah sebegini adalah salah,” tambah Dr Mahathir lagi.

Disamping itu, Dr Mahathir juga mengakui kelemahan DEB yang membantutkan pembangunan negara, tetapi menegaskan sekiranya ia tidak dilaksanakan kaum Cina akan mendahului kaum Melayu yang merupakan 60 peratus penduduk majoriti di Malaysia.

“Ia benar. Jika tanpa DEB, negara ini mungkin akan membangun lebih pesat.

“Tapi ia pastinya tidak stabil kerana akan membawa (perbezaan antara) miskin dan kaya lebih terserlah mengikut perbezaan antara kaum. Kaum Cina akan kaya dan Melayu mungkin miskin. Dan ini boleh membawa kepada ketakstabilan,” ujarnya lagi.

Beliau juga mengakui sekiranya kaum Cina yang mentadbir Malaysia, pembangunan pesat akan berlaku tetapi sangsi ia adalah sesuatu yang baik untuk negara.

“Kaum Cina sangat dinamik. Jika biar mereka tadbir, mereka mungkin akan membawa pembangunan yang lebih pesat tetapi ia mungkin pertumbuhan yang tidak sihat,” kata Dr

Mahathir.

Dalam isu berlainan, Dr Mahathir juga mengulas tentang Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan berkata bekas timbalannya sememangnya seorang pemimpin yang bijak dan mempunyai kepakaran untuk memperdaya orang ramai.

"Dia (Anwar) seorang yang bijak, sangat karismatik dan mampu bergaul dengan orang ramai. Beliau boleh baik dengan Yahudi dan pada masa sama menonjolkan sebagai seorang Muslim yang baik tapi turut diterima orang Eropah liberal.

"Dia sangat hebat, seorang yang hebat!" kata Dr Mahathir apabila ditanya tentang bekas timbalannya itu.

Mahathir juga menegaskan faktor penyingkiran Anwar pada 1998 adalah kerana tingkahlaku moralnya yang bermasalah dan bukan kerana sikap tidak sabarnya untuk memegang tampuk pemerintahan.

"Sebab utama dia hilang peluang adalah kerana tingkahlaku moralnya. Itu saya tidak boleh terima," tegas beliau lagi.

Perdana menteri keempat negara tersebut dilihat seolah-olah ketua kepada kempen pilihan raya Datuk Seri Najib Razak yang keluar memberi ceramah hampir setiap hari menerangkan tentang perkongsian kuasa untuk kestabilan.

Beberapa ahli Kabinet zaman Mahathir juga dilihat mula menonjol daripada bersikap berada dibelakang tabir selepas bersara daripada kerajaan mula keluar secara umum untuk menyampaikan pesanan sama dan menyokong Najib.

Bekas Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin keluar daripada gua politiknya baru-baru ini dan menasihati Najib untuk membuang pemimpin yang sudah luput tarikh daripada kabinet sedia adanya.

Rakyat Malaysia akan membuat keputusan pada 5 Mei sama ada untuk mengekalkan kuasa BN yang telah memerintah tanpa gangguan sejak 56 tahun lalu, atau beralih ke Pakatan Rakyat (PR).

Seramai 13,268,002 layak mengundi dalam PRU13 kali ini.

Sebanyak 222 kerusi Parlimen dan 505 kerusi negeri pada pilihan raya kali ini yang dianggap sebagai paling sengit dalam sejarah negara.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-m-masyarakat-cina-pentingkan-perniagaan-dan-kestabilan-ekonomi/>

